

# **Kesan Pendekatan Penyelesaian Masalah Ke atas Pencapaian Matematik**

## **dan Sikap Terhadap Matematik**

oleh

**Foo Kien Kheng, Nagarajah Lee, Lim Keat Heng,**

**Abdul Ghaffar Mohd. Nor, & Nooriza Kassim**

**Jabatan Matematik**

**Maktab Perguruan Sains Bintulu**

**Sarawak**

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan pendekatan Penyelesaian Masalah berbanding dengan Kaedah Penyampaian Langsung (Direct Instructional Method) dalam proses pengajaran dan pembelajaran matematik. Ujian pra dan pasca serta satu soal selidik ditadbirkan untuk mengumpul data kajian. Data menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan terhadap pencapaian matematik guru pelatihambilan Jun 1996 bila pendekatan penyelesaian masalah digunakan berbanding dengan Kaedah Penyampaian Langsung. Pendekatan Penyelesaian Masalah memberikan kesan positif ke atas sikap guru pelatih terhadap matematik. Adalah disyorkan agar para pendidik maktab dan sekolah menggunakan pendekatan ini di samping mencuba kaedah tradisional sebagai alternatif kepada Kaedah Penyampaian Langsung.